

26 JUN 1999

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN TIGA ANAK ANGKAT

ALOR SETAR, 26 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis perkahwinan tiga anak angkatnya - dua lelaki dan seorang perempuan - di Kubina Villa, Taman Jaya di sini.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada selama kira-kira 45 minit di majlis itu sambil bermesra dengan para tetamu.

Dr Mahathir dan isteri turut menepung tawar pasangan pengantin. Ketiga-tiga mereka merupakan anak bekas penjaga rumah Dr Mahathir di sini.

Mereka ialah Azman Shah Abdul Aziz, 28 berkahwin dengan Marzita Ahmad, 22, Azlan Shah, 27 dengan Ruzita Azodin, 23 dan Nor Ashraf, 21 dengan Rahmat Jaafar, 27.

Bapa saudara ketiga-tiga pengantin itu, Omar Mohd Noordin berkata Dr Mahathir menjadikan mereka anak angkat selepas bapa mereka, Abdul Aziz Mohd Noordin meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya pada 1979.

Azman Shah dan Azlan Shah adalah kakitangan syarikat swasta manakala Nor Ashraf belum bekerja.

Perdana Menteri dan isteri kemudian berlepas ke Langkawi.

-- BERNAMA

AD RON